

PENERAPAN NILAI DAN ADAB DALAM MANUSKRIP MELAYU-ISLAM: SUATU ANALISIS TERHADAP MSS 4291(A) *TAḤDẖĪR* *AL-WALAD*

THE IMPLEMENTATION OF VALUES AND MANNERS IN
MALAY-ISLAMIC MANUSCRIPT:
AN ANALYSIS OF MSS 4291(A) *TAḤDẖĪR AL-WALAD*

Mohd Anuar Mamat

Faculty of Quranic and Sunnah Studies. Universiti Sains
Islam Malaysia. 71800. Nilai. Negeri Sembilan. Malaysia.

Email: anuarmamat@usim.edu.my DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol27no1.13>

Abstract

During the era of manuscript writing in the Malay Archipelago from the 16th to the 19th century, various texts were produced by Malay scholars. This is evidenced by the discovery of various Malay manuscripts in all aspects of knowledge. Among the unique features of the works produced, particularly the manuscripts in *sastera kitab* genre, the writings that are based on values and aim to instil good manners (*adab*) to the readers. The production of works like this is extensive, not only in prose form but also in other forms, such as poetry, *syair* (traditional Malay poetry), and *nazam* (a type of poetic recitation). Therefore, this article will discuss the implementation of values and manners in one of the Malay-Islamic manuscripts from the National Library of Malaysia's collection, MSS 4291(A), entitled *Taḥdẖir al-Walad*. This manuscript is written in the form of poetry that contains explanations about the core values and manners that should be instilled in students and society. It is written using the Arabic language and accompanied by interlinear translations to facilitate understanding for new students and readers. This article applied manuscript studies methods, including codicological

Article History:

Acceptance
date: 17 May
2024
Available
Online: 30 Dec
2024

Funding: This
research
received no
specific grant
from any
funding agency
in the public,
commercial or
not-for-profit
sectors.

**Competing
interest:** The
author(s) have
declared that
no competing
interest exist.



analysis to examine the physical aspects and historical background of the manuscript, as well as philological analysis to transliterate the text from Arabic and Jawi script to Roman script. Content analysis is then used to explore the key values and the application of manners in the poetic text of *Taḥdhīr al-Walad*. Through the study of the manuscript and textual analysis, the aim is to highlight the values and manners embodied in Malay-Islamic manuscripts, specifically in the form of poetry and *syair*, and to make these values accessible and applicable to contemporary society.

Keywords: MSS 4291; *Taḥdhīr al-Walad*; Malay Archipelago; Islamic value; manuscript studies.

Khulasah

Sepanjang era penulisan karya berbentuk manuskrip di Alam Melayu sekitar abad ke-16M hingga abad ke-19M, terdapat pelbagai kitab telah dihasilkan oleh para ulama Melayu. Hal ini terbukti dengan penemuan pelbagai manuskrip Melayu dalam segenap aspek disiplin ilmu. Antara keunikan karya yang dihasilkan khususnya manuskrip genre sastra kitab adalah penulisan yang berteraskan nilai dan bertujuan untuk menerapkan adab kepada para pembaca. Penghasilan karya sebegini amat meluas, bukan sahaja berbentuk prosa, malah ada juga ditulis dalam bentuk lain seperti syair, puisi dan nazam. Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan penerapan nilai dan adab dalam salah sebuah manuskrip Melayu-Islam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Manuskrip yang menjadi fokus penulisan ini ialah MSS 4291(A) bertajuk *Taḥdhīr al-Walad*. Manuskrip ini ditulis dalam bentuk puisi yang mengandungi penjelasan tentang nilai-nilai dan adab utama untuk diterapkan kepada para pelajar dan masyarakat. Ia ditulis dalam bait-bait syair menggunakan bahasa Arab dan disertai dengan terjemahan antara baris untuk memudahkan kefahaman para pelajar dan pembaca. Makalah ini mengaplikasi metode kajian manuskrip, merangkumi

kajian kodikologi untuk menganalisis aspek fizikal dan latar belakang naskhah serta kajian filologi semasa melakukan transliterasi teks berkaitan daripada aksara jawi kepada rumi. Penulisan seterusnya menggunakan kaedah analisis kandungan untuk melihat nilai-nilai utama dan penerapan adab dalam bait-bait syair teks *Tahdhīr al-Walad* ini. Dengan kajian naskhah dan analisis teks MSS 4291(A) bertajuk *Tahdhīr al-Walad* ini diharapkan dapat menjelaskan aspek penerapan nilai dan adab dalam manuskrip Melayu-Islam melalui penulisan manuskrip berbentuk puisi dan syair untuk difahami dan diaplikasikan oleh masyarakat hari ini.

Kata kunci: MSS 4291; *Tahdhīr al-Walad*; alam Melayu; nilai Islam; kajian manuskrip.

Pendahuluan

Sepanjang era penulisan karya berbentuk manuskrip di Alam Melayu sekitar abad ke-16M hingga abad ke-19M, terdapat pelbagai kitab telah dihasilkan oleh para ulama Melayu. Hal ini terbukti dengan penemuan pelbagai manuskrip Melayu dalam segenap aspek disiplin ilmu.¹ Antara keunikan karya yang dihasilkan khususnya manuskrip genre sastera kitab adalah penulisan yang berteraskan nilai dan bertujuan untuk menerapkan adab kepada para pembaca.² Penghasilan karya sebegini amat meluas, bukan sahaja berbentuk prosa, malah ada juga

¹ Lihat, Harun Mat Piah et al., *Traditional Malay Literature* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002); Siti Hawa Salleh, *Malay Literature of the 19th Century*, terj. Quest Service (Kuala Lumpur, ITNM, 2010); Mohd Anuar Mamat, "Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia", *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15 (2017): 66-88; Wan Mohd Nor Wan Daud, *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini*, (Kuala Lumpur: CASIS, 2019).

² M. Mustaqim & Mohd Anuar, *Petua Menuntut Ilmu: Tibyan al-Maram, Menyatakan maksud Kitab Talibah al-Talabah dengan Bahasa Jawi* (Kuala Lumpur: PNM, 2020), xiii.

ditulis dalam bentuk lain seperti syair, puisi dan nazam.³ Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan penerapan nilai dan adab dalam salah sebuah manuskrip Melayu-Islam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia yang belum pernah didedahkan kandungan oleh para pengkaji.⁴ Manuskrip yang menjadi fokus penulisan ini ialah MSS 4291(A) bertajuk *Tahdhīr al-Walad ‘an Wuqū’ fī al-Dhim wa al-Fasād*.

Manuskrip *Tahdhīr al-Walad* ini ditulis dalam bentuk syair berbahasa Arab yang mengandungi nasihat kepada para penuntut ilmu dan masyarakat ketika itu tentang nilai dan adab. Untuk memudahkan kefahaman para pelajar dan pembaca pula manuskrip ini disertai dengan terjemahan antara baris (*interliner translation*) dalam bahasa Melayu. Perbincangan mengenai nilai dan adab dalam manuskrip Melayu ini amat penting disebabkan ia merupakan asas dan identiti masyarakat Melayu itu sendiri.⁵ Dengan nilai dan adab ini, tamadun Melayu suatu ketika dahulu berkembang pesat seterusnya menempa kecemerlangan dalam pelbagai

³ Mohd Anuar, *Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam*, 70.

⁴ Tidak banyak kajian tentang pemikiran pendidikan, nilai dan adab dalam manuskrip Alam Melayu. Setakat ini hanya kajian perihal ilmu dan adab dalam puisi Melayu, cerita rakyat serta pemikiran tokoh Alam Melayu abad ke-20 sahaja yang ditemui. Lihat umpama, Muhammad Nur Al-Hakim et al., "Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu", *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)* 10(2) (2020): 48-56; Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh, "Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional," *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)* 3(2) (2015): 121-129; Rosnani Hashim, *Reclaiming the Conversation: Islamic Intellectual Tradition in the Malay Archipelago* (Kuala Lumpur: The Other Press, 2010).

⁵ Lihat, Hashim Ismail, *Dekonstruksi Identiti dalam Teks Melayu* (Kuala Lumpur: ITBM, 2018); Hashim Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Semula Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, 2001).

aspek.⁶ Nilai ini seterusnya diwarisi turun-temurun dan disematkan dalam penulisan manuskrip Melayu untuk panduan generasi terkemudian.

Oleh itu, penulisan ini amat perlu dibuat untuk mendedahkan beberapa nilai dan adab yang terkandung dalam manuskrip *Tahdhīr al-Walad* ini seterusnya melihat kepentingan kelestarian nilai-nilai tersebut kepada masyarakat kini. Tambahan pula, dalam konteks sekarang, nilai-nilai penting bangsa Melayu semakin pudar dan ia hendaklah dibugarkan kembali khususnya dalam konteks gagasan Malaysia Madani kini.⁷

Setakat kajian ini dibuat, manuskrip *Tahdhīr al-Walad* belum pernah dikaji dan diteliti baik pada aspek kodikologi⁸ mahupun kandungan. Dengan menggunakan metode kajian manuskrip dan analisis kandungan, perihal naskhah dan kandungan teks MSS 4291 ini akan didedahkan dalam makalah ini. Penulisan ini merangkumi dua bahagian utama, pertama kajian kodikologi yang melibatkan analisis aspek fizikal dan latar belakang sejarah naskhah, manakala aspek kedua melibatkan analisis kandungan teks MSS 4291 untuk melihat nilai-nilai utama

⁶ Zuraimy Ali, et.al, "Etika Islam dalam Membina Peradaban Manusia yang Cemerlang," *Jurnal Pengajian Islam* 15 Isu Khas (2022): 168-179.

⁷ Lihat, Anwar Ibrahim, *Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi* (Shah Alam: Institut Darul Ehsan, 2023), 9-27.

⁸ Kodikologi merupakan kajian terhadap aspek dan struktur fizikal sesebuah manuskrip. Deroche menyatakan kodikologi ialah "*a study of the material aspects of codices, that is, manuscript books comprising a series of gatherings or quires, of sheets*". Untuk maklumat lanjut berkenaan kajian kodikologi ini boleh rujuk umpama, Francois Deroche et.al. *Islamic Codicology: An Introduction to the Study of Manuscripts in Arabic Script* (London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation, 2006); M. Mustaqim, *Kodikologi Jawi: Prinsip dan Kaedah Memahami Budaya Manuskrip Melayu* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2024); Wan Ali Wan Mamat, *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988).

dan penerapan adab dalam bait-bait syair teks *Tahdhīr al-Walad*.

Analisis kandungan dibuat dengan merujuk kepada manuskrip asal MSS 4291. Sebahagian teks ditransliterasikan dalam makalah ini menurut kaedah filologi untuk dianalisis lanjut berdasarkan tema kajian. Hasil analisis kandungan teks pula, dibahaskan dengan lebih terperinci dan dibandingkan pula dengan beberapa manuskrip Alam Melayu yang lain dan dapatan kajian semasa daripada pelbagai sumber khususnya artikel jurnal berkaitan nilai dalam masyarakat Melayu. Dengan kajian manuskrip dan analisis teks MSS 4291 bertajuk *Tahdhīr al-Walad* ini diharapkan dapat menjelaskan aspek penerapan nilai dan adab dalam manuskrip Melayu-Islam melalui penulisan manuskrip berbentuk puisi dan syair untuk difahami dan diaplikasikan oleh masyarakat hari ini.

Pengenalan dan Analisis Kodikologi MSS 4291(A) *Tahdhīr al-Walad*

Manuskrip yang dibincang secara khusus di sini ialah sebuah manuskrip berbentuk puisi yang menjelaskan tentang nilai dan adab. Format penulisan manuskrip sebegini sebenarnya amat jarang ditemui, yang mana kebanyakan manuskrip berkaitan nilai dan adab ini hanya ditulis dalam bentuk prosa.⁹ Manuskrip ini ditemui setelah kajian dan tinjauan dibuat oleh penulis dalam koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Perpustakaan Negara Malaysia semasa melakukan saringan terhadap beberapa penulisan Alam Melayu berkaitan pendidikan Islam.¹⁰ Ia amat menarik untuk dikemukakan dalam kajian ini disebabkan penulisannya berbentuk puisi dan berdasarkan disiplin syair Arab di samping penjelasan yang

⁹ Mohd Anuar, *Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam*, 80.

¹⁰ Mohd Anuar, *Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam*, 80.

ekstensif perihal nilai dan adab yang tidak banyak ditemui dalam koleksi-koleksi manuskrip di tempat lain.¹¹

Secara umumnya, terdapat dua bentuk utama penulisan manuskrip Melayu, iaitu manuskrip berbentuk prosa dan manuskrip berbentuk puisi atau nazam.¹² Manuskrip yang berbentuk puisi ini merujuk kepada manuskrip yang ditulis menggunakan struktur puisi, syair atau nazam dan memenuhi disiplin penulisan tersebut. Hal ini merupakan hasil kreativiti pengarang manuskrip di samping untuk memudahkan hafazan dan kefahaman para pelajar serta masyarakat Islam kerana ia boleh dibaca secara berirama dan mempunyai susunan kata yang menarik.¹³ Stail penulisan berbentuk nazam seperti ini sebenarnya agak meluas juga digunakan termasuklah dalam disiplin akidah, fiqah, tasawuf dan juga sirah Nabi. Antara teks berbentuk puisi atau nazam yang ditemui adalah seperti *Nazm 'Aqīdah al-'Awām*, *Nazam Sifat 20*, *Nazm Kanz al-'Ulā* dan juga *Tahliyat al-Wildān*.

Menurut aspek bahasa, nazam atau syair bermaksud 'gubahan puisi' atau 'susunan'.¹⁴ Manakala dari aspek terminologi pula, nazam merupakan satu bentuk penulisan menggunakan bahasa Arab seumpama syair yang mempunyai rangkap-rangkap yang disusun berdasarkan wazan-wazan tertentu, tetapi ia lebih bebas daripada keterikatan sesebuah syair dalam bahasa Melayu. Ia dikenali sebagai nazam disebabkan kandungannya yang

¹¹ Lihat, penulisan awal tentang manuskrip adab dan manuskrip berbentuk puisi dalam, M. Mustaqim & Mohd Anuar, "Bāb al-Adab (MSS2906A): Analisis dan Transliterasi Beranotasi Sebuah Nazam Mengenai Adab Belajar", *Jurnal Filologi Melayu* 25 (2018): 132-152.

¹² Lihat mengenai hal ini dalam, Perpustakaan Negara Malaysia, *Warisan Manuskrip Melayu: Edisi Kedua* (Kuala Lumpur: PNM, 2019); Siti Hawa Salleh, *Malay Literature of the 19th Century*, terj. Quest Service (Kuala Lumpur, ITNM, 2010).

¹³ M. Mustaqim & Mohd Anuar, *Bāb al-Adab (MSS2906A)*, 132-152.

¹⁴ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, (Kuala Lumpur: DBP, 2015), 1073.

mempunyai nilai Islam, memuji Rasulullah SAW, dan juga menjadi penulisan matan kepada keilmuan Islam.¹⁵

Puisi atau nazam juga dalam pengertian bahasa Arab disebut sebagai '*bayt*'. Ia sama dengan penggunaan syair dalam bahasa Melayu, tetapi tradisi penulisan puisi berbentuk syair adalah bersifat terikat dan bercirikan Melayu.¹⁶ Hal ini dapat difahami daripada pendapat Za'ba yang mengatakan bahawa:

"Shair '*bayt*', jenis (shair) tadi dalam bahasa Melayu biasa disebut nazam; rangkapnya dihitug dua-dua kerat serangkap. Melihat yang di atas itu terkarang mengikut timbangan yang dinamai "*bahar rajaz*" dalam kaedah syair Arab. Pertentangan bunyinya yang biasa dibuat dalam bahasa Arab ialah disamakan bunyi hujung antara dua kerat yang menjadikan *bayt* itu sahaja; lain *bayt* lain pula bunyinya yang sama itu."¹⁷

Di samping itu, nazam pada pandangan Za'ba lagi adalah sebuah bentuk puisi ke-Islaman yang lebih popular dan digunakan dalam masyarakat Melayu.¹⁸ Bentuk nazam dalam bahasa Melayu kadang kala tidak lagi menurut syair dalam peraturan bahasa Arab, namun ia berubah dengan mempunyai ciri dan identiti Melayu. Aspek inilah yang dapat dilihat dengan lebih lanjut dalam manuskrip MSS 4291(A) *Tahdhīr al-Walad* ini, yang mana ia tidak lagi terikat dengan kaedah syair bahasa Arab, namun pengaruh bahasa Arab masih lagi terserlah dalam penyusunan bait dan iramanya, iaitu berteraskan *bahar rajaz* serta terdapat banyak penghapusan dan pembuangan huruf (*hadhf harakat*).

¹⁵ Md Salleh Yaapar et al., *Kamus Kesusastraan* (Kuala Lumpur: DBP, 2021), 245-246.

¹⁶ Za'ba, *Ilmu Mengarang Melayu* (Kuala Lumpur: DBP, 1965), 239.

¹⁷ Za'ba, *Ilmu Mengarang*, 239.

¹⁸ Za'ba, *Ilmu Mengarang*, 239.

Itu mengenai bentuk penulisan MSS 4291(A) *Tahdhīr al-Walad*. Berkenaan judul manuskrip ini pula, berlaku sedikit perbezaan antara apa yang dikemukakan dalam katalog koleksi PKMM dengan pandangan penulis setelah meneliti keseluruhan bait-bait MSS 4291(A). Merujuk kepada katalog koleksi PKMM, manuskrip bernombor panggilan MSS 4291(A) ialah "*Bab pada Menyatakan tentang Adab*".¹⁹ Pemberian judul ini agak mengelirukan disebabkan dalam koleksi PKMM sendiri terdapat pelbagai naskhah yang diberi judul *Adab* dan varian-varianya. Adakah ia merupakan kitab yang sama atau tidak? Ia memerlukan semakan lanjut dan perbandingan aspek fizikal dan teks perlu dibuat oleh pengkaji.

Namun begitu, setelah diteliti lebih lanjut, khususnya setelah pengkaji melakukan kajian terdapat kitab *Bāb al-Adāb*,²⁰ mendapati bahawa walaupun ia diberi judul yang sama, tetapi MSS 4291(A) ini adalah sebuah syair yang berbeza dengan semua varian kitab *Bāb al-Adab* yang ditemui. MSS 4291(A) ini merupakan kitab yang istimewa dan mempunyai keunikan tersendiri. Setelah penelitian lanjut dibuat, judul sebenar kitab ini ditemui setelah merujuk kepada bait yang ke-132 kitab ini. Ia selaras dengan apa yang dinyatakan oleh penulisnya sendiri, iaitu manuskrip ini berjudul *Tahdhīr al-Walad 'an Wuqū' fī al-Dhim wa al-Fasād* yang membawa maksud "Peringatan kepada Anak daripada Terjatuh dalam Kecelakaan dan Keburukan". Maka dapat dipastikan inilah merupakan judul yang sah bagi MSS 4291(A) ini.

¹⁹ Perpustakaan Negara Malaysia, *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Ketujuh* (Kuala Lumpur: PNM, 2012), 55-56.

²⁰ Lihat, M. Mustaqim & Mohd Anuar, "Bāb al-Adab (MSS2906A)", 132-152.

Mengenai hal ini, penulis menjelaskan:

سميتها يا أخي تحذير الولد عن وقوع في الذم والفساد

"Aku namai akan dia hai saudaraku akan *Tahdhīr al-Walad* 'an Wuqū' fī al-Dhim wa al-Fasād.'" ²¹

Dari segi populariti pula, *Tahdhīr al-Walad* ini kelihatan tidaklah semasyhur beberapa manuskrip berbentuk puisi yang lain seperti *Bab al-Adab*, namun ia wujud sebagai salah satu karya penting yang memuatkan perihal nilai dan adab dalam konteks Alam Melayu yang ditulis secara terperinci. Setakat kajian dan semakan terhadap repositori dalam dan luar negara, sama ada secara fizikal mahupun dalam talian, hanya terdapat satu naskhah sahaja manuskrip ini. Ia satu-satunya tersimpan dalam koleksi PKMM, PNM. Hal ini menunjukkan bahawa manuskrip *Tahdhīr al-Walad* ini merupakan naskhah tunggal (*codec unicus*) dan koleksi nadir (*rare collection*) yang hanya satu-satunya dapat ditemui dalam koleksi simpanan PKMM, PNM. ²²

Merujuk kepada aspek kepengarangan pula, belum dapat dipastikan siapakah sebenarnya penulis kitab ini disebabkan tiada catatan mengenainya. Pada akhir dan kolofon manuskrip ini pengarang hanya menyebut bahawa syair ini selesai ditulis pada hari Jumaat oleh "fakih yang amat hina" (*faqīh al-‘ājizati*). ²³ Menurut catatan pada bait ke-125 syair pula, ²⁴ syair ini dikarang berikutan permintaan oleh seorang sahabat beliau yang bernama 'Abd al-Karim. Itu sahaja maklumat yang dapat diperolehi buat masa ini. Berkenaan konotasi dan gelaran *faqih* tersebut yang boleh dirujuk sebagai penulis syair ini, ia bukanlah nama sebenar dan identiti penulis, namun konotasi tersebut merupakan suatu gelaran atau penisbahan sahaja

²¹ Lihat, f.13v.

²² Perpustakaan Negara, *Katalog Manuskrip Melayu*, 55-56.

²³ Lihat, f.14v.

²⁴ Lihat, f.13r.

sebagaimana kebiasaan tradisi kepengarangan manuskrip Melayu.

Istilah ini merujuk kepada penisbahan diri pengarang sebagai orang yang mendalam ilmunya, namun tetap tidak terlepas daripada sifat-sifat yang hina atau lemah, berkehendak dan juga berhajat kepada Allah SWT. Penisbahan sebegini juga merupakan fenomena biasa dalam kepengarangan manuskrip Melayu dan dalam beberapa manuskrip lain yang hanya menggunakan kalimat *faqir* sahaja.²⁵ Walaupun penulisnya tidak dapat dipastikan, namun manuskrip ini dihasilkan di Aceh atau sekitarnya. Hal ini dibuktikan dengan cara gaya penulisan dan terdapat beberapa istilah bahasa Aceh yang digunakan dalam manuskrip ini seperti perkataan "*eumpoh*" yang merujuk kepada kebun dalam bahasa Aceh.²⁶

Mengenai tarikh penulisan MSS 4291(A) *Tahdhīr al-Walad* ini pula, pengarangnya tidak menyatakannya secara langsung dan jelas. Hal ini memerlukan penelitian lanjut oleh pengkaji disebabkan penggunaan istilah dan laras bahasa Arab yang ditulis agak keliru. Jika dirujuk kepada terjemahan antara barisnya, ia agak berbeza pula dengan apa yang ditulis dalam bait berbahasa Arab, khususnya perkataan *sittun* atau *sittin*, yang mungkin merujuk kepada angka 6 ataupun 60. Apa yang dapat dipastikan berdasarkan bait syair tersebut ialah penulisan *Tahdhīr al-Walad* ini telah selesai pada akhir waktu Zuhur, hari Jumaat, sepertiga Syaaban, bersamaan tahun *Bā'*. Mengenai tahun selesai ditulis pula, penulis menyebut ia selesai pada tahun enam yang mengiringi dua puluh, kemudian ditambah pula

²⁵ Muhammad Haji Salleh, "Memperbaharui Pengarang", dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997), 183-210; Ding Choo Ming, *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2003); Noriah Mohamed & Yusmilawati Yunos, "Perlambangan dalam Teks Campur Bawur," *Jurnal Filologi Melayu* (2006), 14, 129-156.

²⁶ Lihat, f.8r.

empat, seratus dan sepuluh ratus. Berdasarkan kenyataan ini, dapat disimpulkan bahawa penulisan syair ini telah selesai pada 10 Syaaban 1130H, bersamaan 8 Julai 1718. Setakat ini, tarikh ini merupakan tarikh yang boleh dipastikan sah, tambahan pula 10 Syaaban 1130H ini bertepatan pada hari Jumaat sebagaimana yang dinyatakan oleh penulis. Bait yang menjelaskan tarikh ini sebagaimana berikut:

في عام ستين تلي عشرين وأربعا زد بعدها يقينا

Pada tahun enam bulan yang mengiring dua puluh, dan empat tambah olehmu kemudiannya dengan yakin.

ومائة وعشرة لمثنا يوم مئتا ثلثي شعبان

Seratus dan sepuluh ratus, pada hari yang menyempurnakan sepertiga bulan Syaaban.

في آخر الظهر من ذاك اليوم في سنة البا عند بعض العلماء

Pada akhir Zuhur daripada hari itu, pada tahun *Bā'* pada setengah orang alim.²⁷

Merujuk kepada aspek fizikalnya pula, naskhah manuskrip MSS 4291 ini merupakan manuskrip yang agak banyak jumlah folionya. Ia mempunyai 5 kuras berjahit kemas,²⁸ 65 folio bersaiz 19.2 x 15.6 cm. Setiap folio pula mempunyai 7–14 baris. Naskhah manuskrip ini telah dijilid, mempunyai kulit berwarna hitam, manakala kulit di bahagian belakang manuskrip telah tertanggal disebabkan jahitan yang agak lemah. Medium penulisan menggunakan kertas laid Eropah yang berwarna putih kecoklatan dan bercirikan sedikit di sekeliling kertas, namun ia tidak

²⁷ Lihat, f.13r.

²⁸ Menurut *Kamus Dewan*, kuras bermaksud helaian kertas yang digunakan dalam percetakan buku dan dilipat-lipat serta dikerat menjadi beberapa muka. Dalam konteks manuskrip, kuras membawa maksud gabungan kertas yang dilipat bersama-sama serta dijahit atau digabungkan dengan kumpulan lipatan kertas yang lain. Lihat, *Dewan Bahasa dan Pustaka, Kamus Dewan Edisi Keempat* (Kuala Lumpur: DBP, 2010), 855; M. Mustaqim, *Kodikologi Jawi*, 175-184.

menjejaskan teks dan masih lagi dalam keadaan baik. Terdapat juga kesan kotoran dan lubang-lubang kecil pada kertas yang digunakan. Tera air yang terdapat pada kertas ini ialah tulisan i) J RUMP, ii) 1817, iii) Lencana bergaris dua, bermahkota di atas dengan ilustrasi kuda, 2 ekor singa di dalam lencana.²⁹



Rajah 1: Kulit depan (cover) MSS 4291

²⁹ Maklumat fizikal ini diperolehi setelah pengkaji meneliti sendiri fizikal manuskrip ini di Perpustakaan Negara Malaysia. Bandingkan juga dengan apa yang dikemukakan dalam katalog berikut, Perpustakaan Negara, *Katalog Manuskrip Melayu*, 56.



Rajah 2: Halaman pertama Syair *Taḥdhīr al-Walad*



Rajah 3: Halaman akhir (kolofon) Syair *Taḥdhīr al-Walad*

Dakwat dan tulisan yang digunakan secara umumnya berwarna hitam kecoklatan dan terdapat rubrikasi berwarna merah pada ayat-ayat dan perkataan yang menggunakan bahasa Arab. Tulisan adalah sederhana, tidak begitu cantik, penggunaan gaya tulisan tidak konsisten dan tidak kemas. Terdapat banyak catatan glos pada sekeliling kertas, ditambah pula terjemahan bahasa Melayu di bawah teks Arab menyebabkan ia kelihatan agak berserabut dan tidak teratur.

Merujuk kepada isi kandungan manuskrip ini, terdapat tiga tajuk teks yang berbeza dan digabungkan dalam koleksi manuskrip yang sama, ia bukanlah teks tunggal. Jadi, MSS 4291 ini terdiri daripada tiga teks utama yang berbeza-beza. Untuk penjelasan lanjut adalah seperti berikut.³⁰

³⁰ Maklumat dan deskripsi awal ini berdasarkan catatan katalog. Rujuk, Perpustakaan Negara, *Katalog Manuskrip Melayu*, 55-56.

A: *Bab pada menyatakan Adab*. [ff.2v-13r];³¹ 7 baris. (Teks yang dikaji dalam makalah ini-tajuk baru ialah *Tahdhīr al-Walad*)

Deskripsi: Kitab menggunakan bahasa Arab dan terjemahan dalam bahasa Melayu bertulis Jawi ini menyentuh mengenai bab adab yang merangkumi adab dan hak memberi kemuliaan kepada orang yang lebih tua, kedua ibu bapa, anak-anak, orang yang menuntut ilmu dan yang memberi ilmu (mengajar). Selain itu, terdapat bab-bab lain dan satu khatimah yang dibincangkan di dalam kitab ini seperti adab menziarahi Madinah, kata-kata nasihat, misalan dan sebagainya.

B: *Qawā'id al-Islām* [ff.18v-42v]; 14 baris.

Deskripsi: Kitab asas bagi orang yang baru belajar tentang ilmu tauhid, di mana ia mengupas dan membincangkan mengenai syahadah, sifat dua puluh, zat Allah SWT dan sebagainya.

C: *Hukum akal* [ff.43r-56r].

Deskripsi: Kitab hukum akal yang terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu wajib, mustahil dan *jāiz* (harus) dalam mengetahui hak-hak Allah SWT. Terdapat 20 sifat yang wajib dan mustahil bagi Allah SWT yang diterangkan dengan lebih terperinci.³²

³¹ v. merupakan simbol bagi verso, manakala r. merupakan simbol bagi rekto. Verso bermaksud halaman manuskrip di sebelah kiri atau sebelah belakang helaian, manakala rekto pula halaman manuskrip yang di sebelah kanan atau sebelah depan helaian. Lihat, Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*, 1306 & 1789.

³² Rujuk, Perpustakaan Negara, *Katalog Manuskrip Melayu*, 55-56.

Oleh yang demikian, berdasarkan deskripsi di atas, teks *Taḥdhīr al-Walad* ini berada pada susunan teks yang pertama, iaitu teks (A). Berdasarkan semakan terhadap manuskrip secara fizikal juga, penulis menemui beberapa perbezaan antara apa yang dicatat dalam katalog PNM. Antaranya ialah berkenaan dengan jumlah dan permulaan folio. Pengkaji mendapati teks *Taḥdhīr al-Walad* ini bermula pada f.3v. dan berakhir pada f.14v. Ia agak berbeza dengan apa yang dikemukakan dalam katalog, mungkin disebabkan berlaku sedikit kekeliruan semasa naskhah MSS 4291 ini dicatat dan dikira. Sebelum teks kitab *Taḥdhīr al-Walad* ini bermula, folio sebelumnya tidak mengandungi apa-apa teks yang signifikan, hanyalah beberapa contengan dan catatan bebas yang mungkin merupakan nota-nota yang ditulis oleh empunya naskhah tersebut.

Merujuk kepada kandungan teks (A) *Taḥdhīr al-Walad*, ia merupakan kitab yang membicarakan tentang perihal nilai dan adab secara amat terperinci. Teks ini mengandungi 143 rangkap atau bait syair. Jika dibandingkan dengan *Bāb al-Adab* dan *Tanbīh al-Ṭullāb* umpamanya, *Taḥdhīr al-Walad* lebih ekstensif, yang mana *Bāb al-Adab* hanya mengandungi sekitar 36 bait, manakala *Tanbīh al-Ṭullāb* pula memuatkan 32 bait sahaja.³³ Penulisannya juga agak baik dan tersusun, bermula dengan pendahuluan, sembilan subtajuk dan diakhiri dengan penutup. Secara ringkasnya, subtajuk *Taḥdhīr al-Walad* ini adalah sebagaimana berikut:

- a. Pendahuluan (bait 1 - 10)
- b. *Bayān al-Adab ma'a al-Shuyūkh wa al-Wālidayn wa al-Abnā'* (bait 11 – 23)
- c. *Bayān al-Adab ma'a al-Wālidayn wa Ghayrihimā* (bait 24 – 27)
- d. *Bayān al-Adab ma'a al-Shuyūkh wa al-Mu'allim ayḍan* (bait 28 – 44)

³³ M.Mustaqim & Mohd Anuar, *Bāb al-Adab* (MSS2906A), 140.

- e. *Bayān Wazn al-Nafs wa al-Qulūb* (bait 45 – 53)
- f. *Bayān al-Ziyārah ilā al-Madīnah* (bait 54 – 62)
- g. *Bayān al-Amthilah* (bait 63 – 73)
- h. *Bayān al-Naṣīhah al-Tadhkirah* (bait 74 – 87)
- i. *Bayān Kitāb al-Faḍā'il* (bait 88 – 90)
- j. *Bayān al-Akhlāq allatī Tu'īn Ijtinābihā* (bait 91 – 98)
- k. *Bayān Muqābah al-Ihsān bi al-Ihsān* (bait 99 – 101)
- l. *Khātimah fī al-Du'ā' wa Ma'rifat al-Qadar wa Ghayrihimā* (bait 102 – 143)

Perbincangan tentang Nilai dan Adab dalam MSS 4291(A) *Taḥdhīr al-Walad*

Syair *Taḥdhīr al-Walad* ini boleh dikatakan antara manuskrip puisi yang istimewa disebabkan terdapat penjelasan yang terperinci tentang perihal nilai dan adab dalam konteks masyarakat Melayu. Teks ini walaupun tidaklah semasyhur kitab *Bāb al-Adab*, yang mempunyai pelbagai versi dan salinan, namun ia merupakan antara syair terawal yang dihasilkan dalam konteks keilmuan Melayu. Walaupun perbincangan mengenai ilmu, nilai dan adab di Alam Melayu ada termuat sebagai salah satu bab atau fasal dalam karya bidang lain seperti kitab akidah, hadith, fiqh, tasawuf, dan seumpamanya, karya khusus yang menjelaskan perihal ilmu, nilai dan adab pula agak sukar diperoleh.³⁴ Oleh yang demikian, kajian terhadap manuskrip ini amat sesuai dibuat dan kandungannya sepatutnya ditonjolkan kepada masyarakat supaya nilai dan adab ini terus dilestarikan pengamalannya.

Antara aspek nilai dan adab utama yang diterapkan dalam teks *Taḥdhīr al-Walad* ini adalah sebagaimana perbincangan di bawah.

³⁴ M.Mustaqim & Mohd Anuar, *Bāb al-Adab* (MSS2906A), 140.

a. Perihal Nilai dan Adab dalam Belajar

Perkara pertama dan terpenting yang dikemukakan dalam syair *Taḥdhīr al-Walad* ini ialah berkaitan dengan tujuan belajar dan adab-adabnya. Aspek ini amat penting kerana ia menjelaskan matlamat sebenar pendidikan dan memberi pengaruh yang besar kepada pelaksanaan sistem pendidikan. Hampir semua karya pendidikan Islam Alam Melayu memuatkan perbincangan tentang tujuan pendidikan dan belajar ini, antaranya seperti *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*,³⁵ *Bāb al-Adab*³⁶ dan juga *Tibyān al-Marām Tālibat al-Talabah*.³⁷

Dalam syair *Taḥdhīr al-Walad* ini tujuan belajar dikemukakan dengan jelas. Penulis *Taḥdhīr al-Walad* menyatakan bahawa tujuan belajar ialah untuk memperolehi ilmu yang benar dan yakin tentang akidah dan syariat. Dengan kualiti pembelajaran sebegini, para pelajar dapat membebaskan diri daripada jahil dan juga taklid. Dalam erti kata lain, pelajar berupaya memperolehi ilmu yang benar, yakin dan menjadi seorang yang alim kelak. Mereka juga mampu memahami dan mengamalkan agama dengan sempurna, merangkumi persoalan halal, haram, wajib, sunat dan harus serta sah atau batal sesuatu perbuatan. Mengenai hal ini, penulis *Taḥdhīr al-Walad* menjelaskan:

والشك والتقليد متروكان والعلم واليقين مأخوذان

“Bermula syak dan taklid ditinggalkan keduanya. Bermula ilmu dan yakin itu diambil keduanya.”

به وتعرفون الحي والمجتي هل به أو بالأمهات والآباء

³⁵ Mohd Anuar Mamat, “Adab Guru dan Murid dalam Pendidikan Menurut Perspektif Syeikh Muhammad Khatib Langgien: Analisis terhadap Kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*”, *Jurnal al-Tamaddun* 18(1) (2023): 45-58.

³⁶ M. Mustaqim & Mohd Anuar, *Bāb al-Adab* (MSS2906A), 140.

³⁷ M. Mustaqim & Mohd Anuar, *Petua Menuntut Ilmu*, 21-22.

“Sabitlah dengan tolong Tuhan kamu kenal kan Tuhan yang Hidup dan Nabi yang pilihan, adakah dengan tolong Tuhan atau dengan tolong ibubapa kamu.”

فالحل والكراهة والوجوب والصحة الفساد والمندوب

“Maka akan halal dan makruh dan wajib, dan sah dan batal dan sunat.”³⁸

Seterusnya *Tahdhīr al-Walad* juga menjelaskan perihal kepentingan dan kelebihan orang yang mempunyai adab dalam belajar. Perbincangan ini merupakan permulaan kepada penulis *Tahdhīr al-Walad* untuk menjelaskan lebih lanjut dan terperinci berkenaan adab-adab dalam belajar menurut Islam. Mengenai kepentingan adab dalam kehidupan dan pendidikan, penulis *Tahdhīr al-Walad* menasihatkan para pelajar untuk mengusahakan dan mengamalkan adab yang sebaiknya dalam belajar dan kehidupan seharian. Perkara ini dijelaskan pada awal syair lagi sejurus bab pendahuluan untuk menunjukkan bahawa nilai dan adab merupakan perkara yang penting dalam belajar. Mengenai hal ini, penulis *Tahdhīr al-Walad* menjelaskan:

وبعد فاكسب بحسن الآداب ولو على الخبيث الأم والأب

“Dan kemudian dari itu, maka usahakan olehmu akan sebaik-baik adab. Dan jikalau atas orang yang jahat ibu dan bapa sekalipun.”

جزم فلا خير في فقد الآداب وإن تكن على فراش الذهب

“Pada hal putuskan olehmu maka tiada kebajikan bagi orang yang ketiadaan adabnya dan jika ada engkau duduk atas hamparan emas sekalipun.”³⁹

Seterusnya, syair *Tahdhīr al-Walad* juga mengemukakan kelebihan apabila seseorang pelajar mengamalkan adab yang baik. Beliau menyarankan agar

³⁸ Lihat, f.6r.

³⁹ Lihat, f.4r.

para pelajar dan kita semua mengamalkan adab yang baik kepada semua lapisan manusia, terutamanya ibubapa, guru, saudara mara, sahabat, rakan taulan dan sesiapa sahaja. Implikasi mengamalkan nilai dan adab yang baik ini akan membawa banyak kebaikan, antaranya mereka akan disukai oleh semua orang dan disenangi dalam pergaulan. Hal ini dikemukakan oleh penulis *Tahdhīr al-Walad* dengan katanya:

تأدبوا وأحسنوا إخواني مع رفيقك ولو دنيا

“Sopan-santun kamu dan berbaik kamu hai saudaraku, serta taulanmu dan jikalau ada ia orang yang seorang sekalipun.”

وأحسن الأخلاق يا شفيق تكن جميع الحر لك رفيقا

“Dan perbaik olehmu akan perangai hai taulanku, nescaya jadilah sekalian orang yang merdaheka (merdeka) bagimu hamba.”⁴⁰

Nilai dan adab belajar sebagaimana yang dinyatakan oleh *Tahdhīr al-Walad* ini amat relevan bukan sahaja dalam konteks Alam Melayu dahulu, malah juga dalam konteks pendidikan Islam dewasa ini. Aspek nilai dan akhlak pelajar ini menjadi perhatian utama Kementerian Pendidikan Malaysia walaupun dihambat oleh pelbagai isu kemerosotan akhlak dalam kalangan pelajar.⁴¹ Sebagai contohnya, dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang baharu diperkenalkan, kurikulum ini dibina berasaskan enam tunjang utama iaitu komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai; kemanusiaan; keterampilan diri; perkembangan fizikal dan estetika; serta Sains dan Teknologi.

⁴⁰ Lihat, f.11v.

⁴¹ Satu tinjauan umum tentang adab dan pengamalannya dalam kalangan guru di Selangor telah dilaksanakan oleh penulis, untuk maklumat lanjut boleh rujuk, Mohd Anuar Mamat, et.al. “Amalan Etika Perguruan Berasaskan Pemikiran Imam Abu Hanifah: Suatu Tinjauan terhadap Aplikasi Guru Pendidikan Islam di Selangor”, *Jurnal Ummran* 6(2) (2019): 93-110.

Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dalam rangka melahirkan pelajar yang bersahsiah mulia.⁴² Oleh itu, penekanan terhadap nilai dan adab pelajar yang dijelmakan melalui sikap dan tingkahlaku mereka di sekolah dan persekitaran masyarakat merupakan domain utama dan matlamat kepada sistem pendidikan Islam di Malaysia. Ia kelihatan selaras dengan apa yang dikemukakan oleh *Tahdhīr al-Walad* ini, namun ia perlu diperkukuhkan lagi dalam menghadapi perkembangan semasa yang semakin mencabar.⁴³

b. Nilai dan Adab Terhadap Pelbagai Lapisan Masyarakat

Perkara kedua yang disentuh dalam syair *Tahdhīr al-Walad* ini ialah berkenaan nilai dan adab terhadap pelbagai lapisan masyarakat. Dalam hal ini *Tahdhīr al-Walad* memperincikan nilai yang perlu diamalkan terhadap ibubapa, orang yang lebih berusia dan juga pergaulan dengan kanak-kanak yang lebih muda usianya serta masyarakat awam. Selain itu, juga dipanjangkan nilai dan adab ini terhadap para guru sama ada sebagai pelajar mahupun penghormatan masyarakat terhadap mereka.

Berkaitan nilai yang perlu wujud dan diamalkan terhadap orang tua, ibubapa dan kanak-kanak, penulis *Tahdhīr al-Walad* ini mengingatkan agar perlunya menjaga tingkahlaku dan memuliakan mereka. Mereka yang lebih berusia perlu dihormati, khususnya para ibubapa. Selain itu,

⁴² Lihat, Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Islam: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 4 dan 5* (Putrajaya: KPM, 2018); Ab Halim Tamuri & Ahmad Munawar Ismail, "Faktor-Faktor Sosial dan Amalan Akhlak dalam Kalangan Murid-Murid Sekolah-Sekolah Menengah di Malaysia", *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 8(1) (2021): 87-111.

⁴³ Nurzatil Ismah binti Azizan, et al, "Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial dan Perkembangan Teknologi", *Jurnal Pengajian Islam* 14(1) (2021): 118-129.

mereka yang lebih muda pula, perlu disayangi. Hal ini selaras dengan hadith Nabi SAW yang mana orang yang mengasihi makhluk di bumi ini akan dikasihi oleh Allah dan para Malaikat.⁴⁴ Tambahan pula, para guru adalah amat patut lagi dimuliakan kerana mereka menjadi sebab kepada penyampaian ilmu dan berusaha mendidik manusia. Mengenai hal ini, penulis *Tahdhīr al-Walad* menyebut:

وأكرم الشيوخ والآباء وأحسنوا بالأم والأبناء

“Dan permuliakan olehmu akan orang tuha (tua) dan akan bapanya, dan akan orang yang berbuat baik dengan ibu kamu dan anak kamu.”

لا سيما أيضا مع المعلم فإنه ربكم بالعلوم

“Istimewa pula serta orang alim, bagi bahawasanya memerintahkan ia akan kamu dengan segala ilmu.”⁴⁵

Pada bait-bait seterusnya pula, dijelaskan selanjutnya tentang adab terhadap guru yang sepatutnya diikuti oleh para pelajar secara khusus. Antara yang terpenting ialah sesuai dengan kedudukan dan kepentingan guru, mereka hendaklah dihormati dan para pelajar mestilah menjaga hak guru tersebut. Kedua, untuk menunjukkan rasa terhutang budi dan jasa para guru, pelajar hendaklah sentiasa mendoakan guru mereka. Inilah juga dua adab utama yang perlu dilaksanakan oleh para pelajar untuk mendapat keberkatan dalam belajar. Hal ini sebenarnya selaras dengan saranan para pemikir pendidikan Islam termasuklah Imam Abu Hanifah⁴⁶ dan al-Zarnuji⁴⁷ serta karya

⁴⁴ Lihat hadith yang dikenali sebagai hadith rahmah. Rujuk, Muḥammad ibn ‘Īsā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1996), no. 1924, 3:183.

⁴⁵ Lihat, f.4v.

⁴⁶ Abu Hanifah, “*Kitāb al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*,” dalam Mohd Anuar Mamat, *Pemikiran Pendidikan Imam Abu Hanifah: Kitab al-‘Ālim wa al-Muta‘allim* (Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM, 2016).

⁴⁷ Burhān al-Dīn al-Zarnūjī, *Ta‘līm al-Muta‘allim Ṭarīq al-Ta‘allum*, ed. Muṣṭafā ‘Āshūr (Bulāq: al-Qāhirah, 1986).

pendidikan Alam Melayu yang lain khususnya *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*,⁴⁸ *Bāb al-Adab* dan *Tibyān al-Marām*.⁴⁹ Mengenai hal ini, penulis *Tahdhīr al-Walad* menjelaskan:

ورعوا حق الشيخ والمعلم فإن لم تفعل فأنت النادم

"Dan pelihara olehmu akan hak *shaykh* kamu dan orang yang mengajarkan kamu, maka jika tiada kamu peliharakan akan hak keduanya maka kamu orang yang menyesal dirinya."

اللهم اغفر للجميع ولي وله ومن علمني ولو بمسئلة

"Hai Tuhanku ampunkan olehmu bagi sekalian Islam dan bagiku dan baginya, dan bagi simana-mana yang mengajarkan daku dan jikalau suatu masalah sekalipun."⁵⁰

Berdasarkan penjelasan di atas menunjukkan ibu bapa dan guru merupakan dua golongan utama yang perlu dihormati dan para pelajar perlu beradab dengan mereka. Hal ini disebabkan kedua-dua golongan ini merupakan orang yang paling berjasa dan mempengaruhi keberhasilan seseorang pelajar, sama ada dari sudut akademik mahupun sahsiah. Kajian terkini oleh Ab Halim Tamuri menunjukkan bahawa faktor ibu bapa dan guru merupakan faktor yang penting dalam pembentukan dan amalan akhlak murid. Faktor ini mengatasi faktor-faktor lain seperti masyarakat, penguatkuasaan undang-undang dan juga persekitaran sekolah.⁵¹ Oleh yang demikian, apa yang dikemukakan oleh *Tahdhīr al-Walad* ini amat penting diamalkan oleh para pelajar dan diberi penekanan dalam sistem pendidikan Islam kini.

Selain itu, mengenai nilai dan adab yang perlu diamalkan berhadapan dengan masyarakat awam, syair *Tahdhīr al-Walad* ini menjelaskan tentang tatacara

⁴⁸ Mohd Anuar, *Adab Guru dan Murid*, 53.

⁴⁹ M. Mustaqim & Mohd Anuar, *Petua Menuntut Ilmu*, 28-33.

⁵⁰ Lihat, f.5v.

⁵¹ Ab Halim & Ahmad Munawar, *Faktor-Faktor Sosial*, 107.

pergaulan dengan orang yang jahil dan kepelbagaian golongan manusia. Mereka juga perlu dihormati dan dilayani dengan baik. Hal ini membuktikan bahawa nilai yang ingin diterapkan oleh *Tahdhīr al-Walad* ini ialah setiap manusia perlu mempunyai kemahiran dan komunikasi sosial yang baik dalam berhadapan dengan pelbagai golongan dalam masyarakat. Golongan tersebut tidak boleh dihina dan setiap lapisan masyarakat perlu ditunaikan hak mereka masing-masing, seperti hak sesama Islam, hak jiran, hak serta kehormatan sebagai seorang manusia itu sendiri. Mengenai hal ini, penulis *Tahdhīr al-Walad* menjelaskan dengan katanya:

وأحسنوا أيضا مع الجهال وذي الغنى أيضا وذي العقول

"Dan perbaik oleh kamu pula serta orang yang jahil, dan serta orang kaya dan serta orang yang pula berakal."

وغيرهم من سائر الأصناف الله الله إخوان في الضيوف

"Dan serta orang yang lain daripada mereka itu pada segala bagainya, takut oleh kamu akan Allah hai saudaraku dan demikian lagi pada segala jamu (tamu)."

واعطوا ذوي الحقوق قدر حقه وأحدا لا تحقروا بذنبه

"Dan beri oleh kamu akan segala yang mempunyai hak sekadar haknya, dan akan seorang jangan kamu hinakan dengan sebab dosyanya (dosanya)."⁵²

Merujuk kepada situasi semasa, perkembangan pesat teknologi sekarang ini menunjukkan aspek nilai dan adab sebegini amat diperlukan. Penggunaan media alternatif khususnya media sosial amat perlu berteraskan nilai-nilai sebegini disebabkan mereka saling berinteraksi antara pelbagai lapisan masyarakat. Penggunaan bahasa dan sifat sopan-santun amat diperlukan.⁵³ Tanpa panduan nilai dan

⁵² Lihat, f.5r.

⁵³ Nurul Ashiqin Jaafar & Fariza Md Sham, "Language Politeness and Etiquette on Social Media from The Islamic Perspective: An

tatacara pergaulan yang betul di media sosial, ia terdedah kepada banyak perkara yang negatif. Tambahan lagi kurangnya pemahaman dan kesalahan dalam menerapkan etika penggunaan media sosial oleh sebahagian pengguna yang turut menyumbang kepada buli siber, pengantunan siber, jenayah siber dan penyebaran maklumat palsu. Lebih serius lagi, tindakan provokasi yang mengganggu sentimen kaum dan agama serta mencabar prinsip dan kedaulatan negara sehingga menimbulkan kegusaran dalam kalangan masyarakat.⁵⁴

Menurut statistik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), antara Januari sehingga September 2020 sahaja, SKMM telah memfailkan 48 pertuduhan di mahkamah terhadap mereka yang menyalahgunakan media sosial. Daripada jumlah tersebut, perbuatan berkongsi atau menyebarkan kandungan lucah mencatatkan angka tertinggi iaitu sebanyak 22 pertuduhan, 9 pertuduhan kandungan jelik serta 3 pertuduhan kandungan palsu.⁵⁵ Hal ini menjelaskan impak negatif penggunaan media sosial, jika ia digunakan tanpa kawalan serta nilai dan adab sebagaimana yang dicadangkan oleh *Tahdhīr al-Walad* ini.

c. Nilai dan Sifat Orang yang Soleh

Perkara ketiga yang dikemukakan oleh teks syair *Tahdhīr al-Walad* ini ialah berkenaan nilai dan sifat utama orang

Observation", *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 27(2) (2022): 109-115.

⁵⁴ Syed Mohammad Hilmi b Syed Abdul Rahman et al., "Komunikasi Nabawi Sebagai Asas Panduan Interaksi Media Sosial", *Journal of Hadith Studies* 8(2) (Isu Khas) (2023), 61.

⁵⁵ Rujuk MCMC (2022), "Salah Guna Media Sosial: 48 Kes Didakwa di Mahkamah Setakat Suku Ketiga 2020," laman rasmi MCMC: Berita Rasmi, <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-releases/salah-guna-media-sosial-48-kes-didakwa-di-mahkamah>; MCMC (2022), "Soalan Lazim: Ancaman Phishing," laman rasmi MCMC, <https://www.mcmc.gov.my/ms/faqs/phishing-attack/1-what-is-phishing>.

soleh yang sempurna imannya kepada Allah SWT. Teks *Tahdhīr al-Walad* ini menjelaskan pertamanya tentang nilai dan sikap orang yang soleh terhadap al-Quran dan juga ilmu pengetahuan. Mereka perlu sentiasa mendampingi al-Quran, sentiasa membaca dan menghayatinya dan menegaskan bahawa al-Quran dan zikir itu merupakan cahaya yang akan menerangi kehidupan mereka baik di dunia dan juga akhirat nanti. Di samping itu, mereka juga perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan dan belajar secara berterusan walaupun sedikit. Galakan dan saranan ini amat bertepatan dengan ajaran Islam yang mana al-Quran dan ilmu pengetahuan merupakan sesuatu yang amat penting dalam kehidupan manusia. Mengenai hal ini, penulis syair *Tahdhīr al-Walad* menyatakan:

وتقرأون النور والعلوم شيئاً فشيئاً حتى صرتم علماً

"Dan kamu baca akan Quran yang nama cahaya dan kamu baca akan segala ilmu, suatu kemudian suatu hingga jadilah kamu alim."⁵⁶

Selain itu, teks syair *Tahdhīr al-Walad* ini menjelaskan kepada para pembaca berkenaan perlunya mengelakkan diri daripada sifat dan akhlak yang buruk (*akhlāq madhmūmah*). Hal ini merupakan syarat asas untuk memperoleh taufik daripada Allah SWT. Antara dua sifat utama yang perlu dielakkan ialah sifat takbur (sombong) dan juga suka berbantah-bantah. Mengelakkan diri daripada kedua-dua sifat ini merupakan antara anjuran utama Islam jika dirujuk kepada ilmu tasawuf menurut Imam al-Ghazali dan juga karya-karya genre ini di Alam Melayu.⁵⁷ Mengenai hal ini penulis *Tahdhīr al-Walad* menjelaskan:

⁵⁶ Lihat, f.5v.

⁵⁷ Lihat antara contohnya, Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2011); Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazali, *Bidāyah al-Hidāyah*, terj. Ahmad Fahmi Zamzam (Kedah: Khazanah Banjarlah, 2012); 'Abd al-Samad al-

فكل من يوفق العليم يكتفي بالقول القليل فاعلموا

"Maka tiap-tiap semana-mana yang men-tawfiq-kan ia oleh Tuhan yang bernama 'Alim, iaitu memadailah dengan kata yang sedikit ini, maka ketahui olehmu."

وكل من يخذله الحميد ثياهم تكبر عناد

"Dan tiap-tiap semana-mana yang tiada menolong ia oleh Tuhan yang bersifat *Hamīd*, bermula pakaian mereka itu takbur lagi bantahan."⁵⁸

Penulis syair *Tahdhīr al-Walad* seterusnya menyambung lagi penjelasan mengenai keburukan sikap takbur dan berbantah-bantah. Antaranya ialah orang yang suka bersikap sebegini tidak akan beroleh keberkatan dalam kehidupan mereka. Hal ini tentunya akan merumitkan apa jua aktiviti seharian mereka. Sebagai orang yang soleh, mereka perlu mengelakkan daripada sikap begini, lebih-lebih lagi perkembangan teknologi kini membolehkan komunikasi berlaku dengan pantas dan tanpa had sempadan yang menghubungkan seluruh pelosok dunia. Sikap berbantah-bantah ini akan menimbulkan konflik dan ketidakharmonian dalam kalangan masyarakat. Mereka sepatutnya menzahirkan kesantunan bahasa dan adab dalam berkomunikasi secara fizikal mahupun alam maya.⁵⁹ Mengingat hal ini syair *Tahdhīr al-Walad* menjelaskan:

لا بركة إلاه في العنيد ولو من الأحرار والعبيد

"Tiada diberi berkat oleh Allah Taala pada segala orang bantahan, dan jikalau daripada orang yang merdaheka (merdeka) dan sahaya sekalipun."

فالويح كل الويح للعنيد لقول الأستاذ وقول الوالد

Falimbānī, *Hidāyat al-Sālikīn* (Fatānī: Maṭba‘ah Ibn Ḥalabī, t.t.); ‘Abd al-Ṣamad al-Falimbānī, *Siyar al-Sālikīn* (Bangkok: Maktabah wa Maṭba‘ah Muḥammad Nahdī wa Awlādh, t.t.).

⁵⁸ Lihat, f.7r.

⁵⁹ Nurul Ashiqin & Fariza, *Language Politeness and Etiquette*, 110.

Maka celaka sehabis-habis celaka itu bagi orang yang membantah akan kata gurunya dan kata kedua ibubapanya.⁶⁰

Selain beberapa sifat di atas, syair *Taḥdhīr al-Walad* turut menjelaskan akan pentingnya sifat sabar dan bersungguh-sungguh khususnya dalam belajar. Dua sifat ini adalah dua kunci utama kejayaan seseorang dalam belajar. Mereka perlu bersabar dan bersungguh-sungguh memperoleh ilmu. Bukan sekadar itu sahaja malah berusaha pula untuk mengamalkan ilmu tersebut. Hal ini selaras dengan tujuan utama belajar sebagaimana yang dikemukakan pada awal perbincangan syair *Taḥdhīr al-Walad* di atas dan juga pendapat para sarjana pendidikan Islam seperti Imam Abu Hanifah⁶¹ dan al-Zarnūjī⁶² serta karya pendidikan Alam Melayu yang lain khususnya *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*,⁶³ *Bāb al-Adab* dan *Tibyān al-Marām*.⁶⁴ Menjelaskan hal ini, penulis nazam *Taḥdhīr al-Walad* ada menyatakan:

يا صاح ثم للعلوم واعملن واصبر وجد بتوفيق المنان

“Hai segala taulanku, usahakan olehmu bagi menuntut ilmu dan amalkan olehmu, dan sabar olehmu atas pahit menuntut ilmu dan mendapat-dapat ia dengan tolong tuhan yang bernama *Mannān*.”

الله يصلح القلوب والجسد واغفر واعف يا الله يا أحد

Bermula Allah jua yang membaik ia akan hati dan jasad, dan ampun olehmu dan maaf olehmu hai Tuhanku yang Esa.⁶⁵

⁶⁰ Lihat, f.10r.

⁶¹ Abu Hanifah, *Kitāb al-'Ālim wa al-Muta'allim*.

⁶² Al-Zarnūjī, *Ta'līm al-Muta'allim*.

⁶³ Mohd Anuar, *Adab Guru dan Murid dalam Pendidikan*, 53.

⁶⁴ M.Mustaqim & Mohd Anuar, *Petua Menuntut Ilmu*, 28-33; Mohd Anuar Mamat & Che' Razi Jusoh. “Konsep Asas dan Pembahagian Ilmu Menurut Manuskrip Melayu: Suatu Penelitian terhadap MSS 2906(B) *Tibyan al-Maram*”, *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* Isu Khas(2) (2020), 40.

⁶⁵ Lihat, f.12r.

d. Balasan Baik Terhadap Perbuatan Manusia

Perkara keempat yang dikemukakan oleh teks syair *Taḥdhīr al-Walad* ini ialah berkenaan nilai dalam interaksi sosial umat Islam. Agak menarik teks syair *Taḥdhīr al-Walad* ini menggalakkan manusia sentiasa melakukan kebaikan sesama insan. Setiap kebaikan hendaklah dibalas dengan kebaikan juga, malah penulis melarang melakukan keburukan kepada manusia lain atau membalas perbuatan mereka dengan keburukan juga. Untuk menjelaskan perihai ini, penulis syair *Taḥdhīr al-Walad* memperuntukkan satu bab khusus iaitu bab yang bertajuk *Bayān Muqābalaḥ al-Iḥsān bi al-Iḥsān* (bab pada menyatakan kebaikan dibalas dengan kebaikan).

Hal ini jika diteliti amat dianjurkan oleh ajaran Islam. Dalam al-Quran, Surah al-Nahl, Allah menyuruh manusia untuk berlaku adil dan berbuat baik (*iḥsān*) terhadap semua manusia, baik lelaki atau perempuan termasuklah juga anak-anak yatim.⁶⁶ Begitu halnya jika merujuk kepada hadith Nabi SAW. Baginda menganjurkan bersikap *iḥsān* dan *iḥsān* itu sendiri merupakan salah satu rukun utama ajaran Islam.⁶⁷ Mengenai sikap dan balasan baik kepada sesama manusia ini, syair *Taḥdhīr al-Walad* menjelaskan:

وقابلوا الإحسان بالإحسان بالجاء والمال والأبدان

“Dan berbetulan (berbalas) oleh kamu kebajikan dengan kebajikan, dan gah dan dengan hartanya dan dengan segala badannya.”

أو يجمّل الذكر والدعاء ولا تقابلوا الدوا بالداء

“Atau dengan sebutan yang elok dan doa, dan jangan kamu berbetulan (berbalas) akan ubat dengan penyakit”

⁶⁶ Surah al-Nahl (16): 90.

⁶⁷ Lihat hadith Jibril AS. Rujuk, Muslim ibn al-Hajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Imān wa al-Islām wa al-Iḥsān* (Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth, 1955), 37.

ولا كل ترياق بالسوم واستعينوا بالملك العلام

"Dan jangan kamu betul (balas) akan tiap-tiap penawar dengan racun, dan minta tolong kamu kepada raja yang amat (Mengetahui)."⁶⁸

Hasil analisis kandungan yang dikemukakan di atas menunjukkan terdapat empat nilai utama dan adab yang terdapat dalam MSS 4291(A) *Tahdhīr al-Walad* ini. Keempat-empat perkara tersebut amat penting dalam konteks memahami penerapan nilai dan adab serta pemikiran yang wujud dalam manuskrip puisi Alam Melayu. Ia merangkumi perkara utama berkenaan perihal nilai dan adab dalam belajar, nilai dan adab tingkahlaku pergaulan antara pelbagai lapisan masyarakat, nilai dan sifat orang yang soleh dan yang terakhir anjuran supaya kita semua bersikap *ihsān* serta membalas dengan kebaikan terdapat apa jua perbuatan manusia lain. Keempat-empat perkara ini setelah ditinjau lanjut merupakan nilai utama dan adab yang juga disebut oleh beberapa manuskrip Alam Melayu yang lain dan ia juga selaras dengan pandangan para tokoh Islam.

Penjelasan yang dikemukakan dalam MSS 4291(A) *Tahdhīr al-Walad* ini amat menarik apabila persembahannya ditulis pula menggunakan bentuk puisi dan syair. Ia menzahirkan kreativiti penulisan, kewibawaan penulis dan juga bertujuan memudahkan kefahaman pembaca. Penulis MSS 4291(A) *Tahdhīr al-Walad* juga kelihatan amat peka dengan keperluan masyarakat ketika itu dan cuba untuk mempelbagaikan wadah penyampaian isi kandungan tentang nilai dan adab menurut perspektif Alam Melayu.

Manakala dari sudut kandungan pula, keempat-empat perkara yang dikemukakan di atas merupakan penjelasan semula dan selaras dengan pandangan tokoh Islam sebelumnya tentang nilai dan adab. Antaranya termasuklah

⁶⁸ Lihat, f.11v.

Imam Abu Hanifah, Imam al-Ghazali dan juga al-Zarnuji. Ia juga selaras dengan beberapa karya dan manuskrip Alam Melayu yang lain khususnya *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*, *Bāb al-Adab*, *Tanbih al-Ṭullāb* dan juga *Tibyān al-Marām*.

Sebagai kesinambungan konteks kini pula, ternyata nilai dan adab yang diketengahkan tersebut amat relevan dan penting. Kajian-kajian terkini menjelaskan masyarakat dewasa ini amat memerlukan nilai-nilai tersebut, lebih-lebih lagi ketika berhadapan dengan situasi perkembangan teknologi dan media sosial tanpa sempadan. Ia juga selaras dalam rangka membugarkan semula identiti nasional masyarakat Melayu Islam di Malaysia dan mendokong apa yang dihasratkan dalam gagasan Malaysia Madani. Oleh itu, diharapkan nilai-nilai yang telah ada dalam masyarakat Melayu melalui penulisan manuskrip ini tetap diamalkan, dihayati dan dilestarikan sepanjang masa.

Kesimpulan

Sepanjang era penulisan karya berbentuk manuskrip di Alam Melayu sekitar abad ke-16M hingga abad ke-19M, terdapat pelbagai kitab telah dihasilkan oleh para ulama Melayu. Hal ini terbukti dengan penemuan pelbagai manuskrip Melayu dalam segenap aspek disiplin ilmu. Setiap karya dihasilkan mempunyai keunikannya tersendiri. Antara keunikan karya yang dihasilkan khususnya manuskrip genre sastera kitab adalah penulisan yang berteraskan nilai dan bertujuan untuk menerapkan adab kepada para pembaca. Penghasilan karya sebegini amat meluas, bukan sahaja berbentuk prosa, malah ada juga ditulis dalam bentuk lain seperti syair, puisi dan nazam.

Antara salah satunya ialah karya berbentuk syair tentang penerapan nilai dan adab dalam masyarakat Islam di Alam Melayu ialah kitab bertajuk *Tahdhīr al-Walad 'an Wuqū' fī al-Dhim wa al-Fasād*. Kitab ini antara karya yang penting dan unik, di samping berbentuk syair, kandungannya pula menjelaskan aspek nilai dan adab

secara terperinci merangkumi 143 bait syair. Dalam penulisan makalah yang terhad ini hanya ditonjolkan empat nilai dan adab utama yang menjadi fokus penulis dalam syair beliau. Keempat-empat perkara ini amat penting dalam konteks memahami penerapan nilai dan adab menurut perspektif Alam Melayu klasik dan kesinambungannya dalam konteks masyarakat kini.

Ia merangkumi perkara utama berkenaan perihal nilai dan adab dalam belajar, nilai dan adab tingkahlaku pergaulan antara pelbagai lapisan masyarakat, nilai dan sifat orang yang soleh dan yang terakhir anjuran supaya kita semua bersikap *ihsān* serta membalas dengan kebaikan terdapat apa jua perbuatan manusia lain. Kesemua nilai tersebut adalah selaras dengan ajaran Islam, penjelasan para tokoh dan juga karya-karya terdahulu baik berbahasa Arab mahupun karya Jawi di Alam Melayu. Nilai dan adab yang diketengahkan tersebut juga amat relevan dan penting kepada masyarakat kini yang berhadapan dengan situasi perkembangan teknologi dan media sosial tanpa sempadan. Ia juga mampu membugarkan semula identiti nasional masyarakat Melayu di Malaysia berteraskan nilai dan adab yang tinggi.

Rujukan

- Abdul Razak, Zurakintan & Che Ibrahim Salleh. "Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional." *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)* 3(2) (2015): 121-129.
- Abu Hanifah. "Kitāb al-‘Ālim wa al-Muta‘allim". Dalam Mohd Anuar Mamat, *Pemikiran pendidikan Imam Abu Hanifah: Kitab al-‘Alim wa al-Muta‘allim*. Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM, 2016.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. *Bidāyah al-Hidāyah*, terj. Ahmad Fahmi Zamzam. Kedah: Khazanah Banjariah, 2012.
- Al-Ghazālī, Muḥammad ibn Muḥammad. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2011.

- Al-Falimbānī, ‘Abd al-Ṣamad. *Hidāyat al-Sālikīn*. Fatānī: Maṭba‘ah Ibn Ḥalabī, t.t.
- Al-Falimbānī, ‘Abd al-Ṣamad. *Siyar al-Sālikīn*. Bangkok: Maktabah wa Maṭba‘ah Muḥammad Nahḍī wa Awlādhī, t.t.
- Al-Tirmidhī, Muḥammad ibn ‘Īsā. *Sunan al-Tirmidhī*. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1996.
- Al-Zarnūjī, Burhān al-Dīn. *Ta’līm al-Muta‘allim Ṭarīq al-Ta’allum*, ed. Muṣṭafā ‘Āshūr. Būlāq: al-Qāhirah, 1986.
- Anonim. *Bāb al-Adab* (MSS2378H). Kuala Lumpur: PNM.
- Anonim. *Bāb al-Adab* (MSS4315D). Kuala Lumpur: PNM.
- Anonim. *Tibyān al-Marām Ṭālibat al-Ṭalabah* (MSS2906B). Kuala Lumpur: PNM, t.t.
- Azizan, Nurzatil Ismah et al. “Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial Dan Perkembangan Teknologi”, *Jurnal Pengajian Islam* 14(1) (2021): 118-129.
- Deroche, Francois, et al. *Islamic Codicology: An Introduction to the Study of Manuscripts in Arabic Script*. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation, 2006.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: DBP, 2010.
- Haji Salleh, Muhammad. “Memperbaharui Pengarang.” Dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1997: 183-210.
- Ibrahim, Anwar. *Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Shah Alam: Institut Darul Ehsan, 2023.
- Ismail, Hashim. *Dekonstruksi Identiti dalam Teks Melayu*. Kuala Lumpur: ITBM, 2018.
- Jaafar, Nurul Ashiqin & Fariza Md Sham, “Language Politeness and Etiquette on Social Media from The Islamic Perspective: An Observation.” *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 27(2) (2022): 109-115.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Islam: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 4 dan 5*. Putrajaya: KPM, 2018.
- Mamat, Mohd Anuar & Che' Razi Jusoh. "Konsep Asas dan Pembahagian Ilmu Menurut Manuskrip Melayu: Suatu Penelitian terhadap MSS 2906(B) *Tibyan al-Maram*." *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* Isu Khas 2 (2020): 1-44.
- Mamat, Mohd Anuar et al. "Amalan Etika Perguruan Berasaskan Pemikiran Imam Abū Ḥanīfah: Suatu Tinjauan terhadap Aplikasi Guru Pendidikan Islam di Selangor." *Jurnal Umran* 6(2) (2019): 93-110.
- Mamat, Mohd Anuar. "Adab Guru dan Murid dalam Pendidikan Menurut Perspektif Syekh Muhammad Khatib Langgien: Analisis terhadap Kitab *Dawā' al-Qulūb min al-'Uyūb*." *Jurnal al-Tamaddun* 18(1) (2023): 45-58.
- Mamat, Mohd Anuar. "Beberapa Metodologi Pendidikan Melayu-Islam: Analisis terhadap Manuskrip MSS 2906(A) *Bāb al-Adab*." *Jurnal al-'Abqari* 23(2) (2020): 41-56.
- Mamat, Mohd Anuar. "Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15 (2017): 66-88.
- Mamat, Mohd Anuar. "Perkembangan Penulisan Karya *Adab al-'Ālim* oleh Sarjana Islam: Satu Sorotan ke Arah Penentuan Sumber kepada Etika Profesion Perguruan dalam Islam". *Jurnal al-'Abqari* 18 (2019): 60-80.
- Mat Piah, Harun, et al. *Traditional Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- MCMC, "Salah Guna Media Sosial: 48 Kes Didakwa di Mahkamah Setakat Suku Ketiga 2020," laman rasmi MCMC: Berita
<https://www.mcmc.gov.my/ms/media/> Rasmi,
press-

- releases/salah-guna-media-sosial-48-kes-didakwa-di-mahkamah.
- MCMC, "Soalan Lazim: Ancaman Phishing," laman rasmi MCMC, <https://www.mcmc.gov.my/ms/faqs/phishing-attack/1-what-is-phishing>.
- Ming, Ding Choo. *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2003.
- Mohamad Hanafiah, Muhammad Nur Al-Hakim & Mohd Firdaus Che Yaacob. "Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu." *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)* 10(2) (2020): 48-56.
- Mohd Zarif, M.Mustaqim & Mohd Anuar Mamat. "Bab al-Adab (MSS2906A): Analisis dan Transliterasi Beranotasi Sebuah Nazam Mengenai Adab Belajar." *Jurnal Filologi Melayu* 25 (2018): 132-152.
- Mohd Zarif, M.Mustaqim & Mohd Anuar Mamat. *Petua Menuntut Ilmu: Tibyān al-Marām, Menyatakan Maksud Kitab Ṭalibah al-Ṭalabah dengan Bahasa Jawi*. Kuala Lumpur: PNM, 2020.
- Mohd Zarif, M. Mustaqim. *Kodikologi Jawi: Prinsip dan Kaedah Memahami Budaya Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2024.
- Musa, Hashim. *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Semula Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, 2001.
- Muslim ibn al-Ḥajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth, 1955.
- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: PNM, 2000.
- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Tambahan Ketujuh*. Kuala Lumpur: PNM, 2012.

- Salleh, Siti Hawa. *Malay Literature of the 19th Century*, terj. Quest Service. Kuala Lumpur: ITNM, 2010.
- Syed Abdul Rahman, Syed Mohammad Hilmi et al. "Komunikasi Nabawi Sebagai Asas Panduan Interaksi Media Sosial." *Journal of Hadith Studies* 8 Isu Khas (2023): 59-70.
- Tamuri, Ab Halim & Ahmad Munawar Ismail, "Faktor-Faktor Sosial dan Amalan Akhlak Dalam Kalangan Murid-Murid Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia", *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi* 8, no. 1 (2021): 87-111.
- Wan Mamat, Wan Ali. *An Introduction to Malay Manuscripts*. Selangor: IIUM Press, 2014.
- Za'ba. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1965.
- Zuraimy Ali, et al. "Etika Islam dalam Membina Peradaban Manusia yang Cemerlang." *Jurnal Pengajian Islam* 15 Isu Khas (2022): 168-179.